

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT :
RUANGAN : NASIONAL

Doktor ditamatkan perkhidmatan

PUTRAJAYA - Ketua Jabatan Ortopedik Hospital Sungai Buloh yang sebelum ini digantung tugas berhubung salah laku seksual, ditamatkan perkhidmatannya, Rabu lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, surat penamatan perkhidmatan itu telah disampaikan kepada ketua jabatan berkenaan kelmarin.

"Yang di-Pertuan Agong telah perkenan untuk menamatkan perkhidmatan ketua jabatan berkenaan berkuat kuasa pada 14 November 2018," katanya.

Menurutnya, keputusan itu dicapai hasil perbincangan di antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara, diangkat untuk mendapat perkenan Agong setelah mendapat nasihat daripada pejabat Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum ini, Dzulkefly mendedahkan sekurang-kurangnya 38 individu yang bekerja di hospital itu menjadi mangsa gangguan seksual.

Doktor yang berkhidmat di hospital berkenaan sejak 2009, digantung tugas selama dua bulan bagi membolehkan siasatan dijalankan terhadapnya.